



**SEMUA PELAJAR PRASISWAZAH & PASCASISWAZAH
KAMPUS BANGI DAN KUALA LUMPUR
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(KECUALI KOLEJ TUN DR. ISMAIL, HCTM)**

Saudara/i,

PINDAAN PEKELILING PUSAT PERUMAHAN PELAJAR BIL. 3/2026

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Dimaklumkan bahawa cuti Semester 2 Sesi 2025/2026 akan bermula **27 Julai 2026**.

1.0 A) PERMOHONAN BAHARU PENGINAPAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH BAGI SEMESTER 1 SESI 2026/2027

Pelajar boleh membuat **permohonan penginapan** pada tarikh berikut:

Tarikh	URL
22 – 28 Jun 2026	https://appsmu.ukm.my/ekolej

* Keputusan permohonan penginapan adalah tertakluk kepada kekosongan kolej kediaman.

B) PENGESAHAN PENGINAPAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH BAGI SEMESTER 1 SESI 2026/2027

Pelajar yang berjaya mendapat penginapan Semester 1 Sesi 2026/2027 diminta untuk membuat **pengesahan kolej bagi Semester 1 Sesi 2026/2027** seperti tarikh berikut:

Tarikh	URL
8 – 14 Julai 2026	https://appsmu.ukm.my/ekolej

Nota:

1. Mana-mana pelajar yang tidak membuat pengesahan penginapan bagi Semester 1 Sesi 2026/2027 dianggap tidak berminat untuk tinggal di kolej dan bilik tersebut akan dibuka kepada pelajar kategori rayuan dan permohonan baharu.
2. Pelajar tidak dibenarkan untuk meletakkan barang di dalam bilik sepanjang cuti semester bagi memberi laluan penginapan kepada program universiti. Pelajar boleh meletakkan barang di stor yang akan disediakan oleh pihak pentadbiran kolej (jika ada).



PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Aras 4, Bangunan Pusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel. Pejabat: +603-8921 4367 E-mel: pghperumahan@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/perumahan

C) PERMOHONAN RAYUAN PENGINAPAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH BAGI SEMESTER 1 SESI 2026/2027

Bagi pelajar yang tidak berjaya mendapat penginapan, **rayuan** penginapan boleh dibuat seperti berikut:

Tarikh	URL
15 – 21 Julai 2026	https://appsmu.ukm.my/rayuankolej

* Hanya pelajar yang membuat permohonan kolej sahaja dibenarkan untuk membuat rayuan. Keputusan rayuan kolej adalah tertakluk kepada kekosongan kolej kediaman.

NOTA BERKAITAN MARKAH E-MERIT:

1. Tarikh akhir bagi pengiraan markah emerit adalah pada **29 Jun 2026**.
2. Markah e-Merit hanya akan dikemas kini dalam sistem setelah laporan aktiviti/program dan laporan kewangan (jika berkaitan) disahkan oleh penasihat aktiviti/program.
3. Sebarang laporan aktiviti yang disahkan selepas **29 Jun 2026** atau aktiviti pelajar yang dijalankan selepas tarikh tersebut, akan dibawa ke hadapan dan dikira dalam Sesi Akademik 2026/2027.

2.0 PENDAFTARAN KELUAR KOLEJ SEMESTER 2 SESI 2025/2026 DAN PERATURAN PENGOSONGAN BILIK SERTA PENYIMPANAN BARANG

Saudara/i adalah diminta untuk membuat pendaftaran keluar kolej Semester 2 Sesi 2025/2026 sebelum atau pada **26 Julai 2026**.

Perkara	Tarikh Akhir
Pendaftaran Keluar Kolej Semester 2 Sesi 2025/2026	26 Julai 2026

2.1 Berikut adalah peraturan pengosongan bilik dan penyimpanan barang:

2.1.1 Tarikh akhir **mengosongkan bilik** dan pemulangan kunci di kolej kediaman:

Tarikh	Masa
26 Julai 2026	8.30 pagi – 4.30 petang

- 2.1.2 Kehilangan kunci akan didenda sebanyak RM20.00.
- 2.1.3 Bilik hendaklah dikosongkan dalam keadaan bersih dan dikunci. Pastikan suis lampu dan kipas dimatikan sebelum meninggalkan bilik.
- 2.1.4 Denda akan dikenakan jika didapati bilik ditinggalkan dalam keadaan kotor atau lampu/ kipas tidak dimatikan.
- 2.1.5 Sebarang kerosakan perabot atau perkakas bilik yang rosak akibat daripada kecuaiannya saudara/i akan dikenakan caj ganti rugi mengikut kadar yang ditetapkan.
- 2.1.6 Pentadbiran kolej akan menyediakan stor penyimpanan barang.



PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Aras 4, Bangunan Pusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel. Pejabat: +603-8921 4367 E-mel: pghperumahan@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/perumahan

IMAN ILMU AMAL

www.ukm.my

2.1.7 Berikut adalah jadual **penyimpanan barang**:

Tarikh	Masa
20 – 26 Julai 2026	8.30 pagi – 4.30 petang

2.1.8 Dokumen-dokumen penting seperti sijil, kad pengenalan, kad kolej, kad matrik, barang-barang kemas dan lain-lain barang berharga **tidak dibenarkan** disimpan di dalam stor.

2.1.9 Pihak pentadbiran kolej tidak akan bertanggungjawab ke atas keselamatan barang-barang yang disimpan.

2.1.10 Saudara/i adalah dilarang menyimpan barang di dalam bilik kuasa elektrik, bilik basuh, surau, bilik pili bomba, bilik aktiviti pelajar dan lain-lain ruang yang tidak dibenarkan oleh pihak pentadbiran kolej.

2.1.11 Sebarang permintaan untuk membuka stor semasa cuti semester tidak akan dilayan. Berikut adalah jadual **pengambilan barang** di stor:

Tarikh	Masa
26 September 2026 – 2 Oktober 2026	8.30 pagi – 4.30 petang

2.1.12 Barang yang tidak diambil dalam jangka masa yang ditetapkan akan dianggap tidak berguna dan akan dilupuskan.

3.0 PERMOHONAN PENGINAPAN LUAR SEMESTER SESI 2025/2026 DAN PENDAFTARAN MASUK/ KELUAR LUAR SEMESTER SESI 2025/2026

Bagi pelajar yang memohon menginap di kolej ketika cuti semester, permohonan penginapan boleh dibuat seperti berikut:

Tarikh	URL
23 – 28 Jun 2026	https://apps.mu.ukm.my/ekolej

Butiran pendaftaran **penginapan luar semester** adalah seperti berikut:

Perkara	Tarikh	Masa
Pendaftaran Masuk	27 Julai 2026	8.30 pagi – 4.30 petang
Pendaftaran Keluar	17 September 2026	8.30 pagi – 4.30 petang

4.0 PENDAFTARAN MASUK PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH SEMESTER 1 SESI 2026/2027

Bagi pelajar yang telah membuat pengesahan dan mendapat tawaran kolej bagi Semester 1 Sesi 2026/2027, butiran pendaftaran masuk adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
26 – 28 September 2026	8.30 pagi – 4.30 petang



PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Aras 4, Bangunan Pusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel. Pejabat: +603-8921 4367 E-mel: pghperumahan@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/perumahan

IMAN ILMU AMAL


www.ukm.my

Sehubungan itu, pelajar hendaklah memaklumkan kepada Pejabat Pentadbiran Kolej Kediaman sekiranya tidak dapat mendaftar masuk pada tarikh yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian tanpa alasan munasabah akan menyebabkan tempat penginapan saudara/i ditawarkan kepada pelajar dalam kategori rayuan. Kelulusan rayuan adalah tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman.

Segala kerjasama dan perhatian pihak saudara/i dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



MOHD FIRDAUS YAHAYA
Pengarah
Pusat Perumahan Pelajar

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar
 - Pengetua Kolej Kediaman
 - Ketua Pentadbiran Kolej Kediaman
 - Presiden Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia



PUSAT PERUMAHAN PELAJAR
Aras 4, Bangunan Pusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel. Pejabat: +603-8921 4367 E-mel: pghperumahan@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/perumahan

IMAN ILMU AMAL

www.ukm.my